



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN**
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.jwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

54 PENERIMA DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN 2026

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim telah berkenan untuk mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan kepada **54** penerima sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2026 dalam Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan Tahun 2026 yang telah diadakan pada 5 Februari 2026 di Istana Negara, Kuala Lumpur.

Pada istiadat pengurniaan kali ini, **empat (4)** orang dianugerahi Darjah Kebesaran Pangkat Kedua iaitu **Seri Mahkota Wilayah (S.M.W.)** yang membawa gelaran **Datuk Seri**. **Lima belas (15)** individu pula dianugerahi Darjah Kebesaran Pangkat Ketiga iaitu **Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W.)** yang membawa gelaran **Datuk**. **Lima belas (15)** individu dianugerahi Darjah Kebesaran

Pangkat Keempat iaitu **Johan Mahkota Wilayah (J.M.W.)**, **enam (6)** individu dianugerahi Darjah Kebesaran Pangkat Kelima iaitu **Kesatria Mahkota Wilayah (K.M.W.)**, **lima (5)** individu dianugerahi Darjah Kebesaran Pangkat Keenam iaitu **Ahli Mahkota Wilayah (A.M.W.)** dan **sembilan (9)** individu dianugerahi Darjah Kebesaran Pangkat Ketujuh iaitu **Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (P.P.W.)**.

Mendahului senarai penerima bagi tahun 2026 dengan Darjah Kebesaran Seri Mahkota Wilayah yang membawa gelaran Datuk Seri, ialah YAA Datuk Seri Abu Bakar bin Jais, Presiden Mahkamah Rayuan, YAA Datuk Seri Hashim bin Hamzah, Hakim Besar Malaya, YBhg. Datuk Seri Nor Azmie bin Diron, Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi dan YBhg. Datuk Seri TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Bagi Darjah Kebesaran Panglima Mahkota Wilayah yang menerima gelaran Datuk, penerima-penerima termasuklah YB Datuk Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YBhg. Datuk Fabian Bigar, Ketua Setiausaha Kementerian Digital, YBhg. Datuk Dr. Mohd Azam bin Ahmad, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, YBhg. Datuk Mohd Yani bin Daud, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pertahanan, YBhg. Datuk Parang Abai @ Thomas, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Sosio Ekonomi), Jabatan

Wilayah Persekutuan, YBhg. Datuk Surrendren a/l Sathasivam, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, YBhg. Laksamana Madya Datuk Badarudin bin Taha, Timbalan Panglima Tentera Laut, YBhg. Pesuruhjaya Polis Datuk Gilberd anak Philip Layang, Pengarah Jabatan Logistik dan Teknologi PDRM, YBhg. Datuk Haji Abdul Rashid bin Yaakub, Ketua Pegawai Eksekutif, Pejabat Sekretariat Malaysia Sea Games Organising Committee (MASOC), YBhg. Laksamana Muda Datuk Mohd Razib bin Tahir, Panglima Latihan dan Doktrin TLDM, YBhg. Datuk Profesor Ts. Dr. Hajah Norazah binti Mohd Suki, Profesor Universiti Utara Malaysia, YBhg. Datuk Profesor Dr. Muhammad Rezal bin Kamel Ariffin, Pengarah Pusat Teknologi dan Pengurusan Kriptologi Malaysia, Universiti Putra Malaysia, YBhg. Datuk Profesor Dr. Mohd Kassim bin Noor Mohamed, Naib Canselor Enforcement, Leadership and Management University (ELMU), YBhg. Datuk Lim Chee Hong, Pengurus OKA Marketing Sdn. Bhd. dan YBhg. Datuk Soo Beng Kiang, bekas atlet badminton.

Penerima-penerima Johan Mahkota Wilayah daripada kalangan pegawai awam dan badan berkanun pula antaranya terdiri daripada YBrs. Encik Mano a/l Verabathran, Kementerian Komunikasi, YBrs. Encik Jazman Azi bin Jamalludin, Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan, YBrs. Encik Mohd Sukuran bin Taib, Perbadanan Labuan, YBrs. Puan Ir.

Adilah binti Ismail, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, YBrs. Encik Jefri bin Ngadirin, Majlis Sukan Negara, YBrs. Encik Ahmad Sukri bin Haji Abdul Kadir, Arkib Negara Malaysia, YBrs. DCP Mohd Mahidisham bin Ishak, PDRM, YBrs. Encik Nik Shukri bin Nik Soh, Perbadanan Putrajaya, Encik Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim, JAKIM, Encik Jabu anak Dugu, Jabatan Wilayah Persekutuan, Encik Zuhairie bin Abu Bakar, SPRM, Encik Ezaidin bin Hussain, Jabatan Pendidikan WP Putrajaya, YM Tunku Nashrul bin Tunku Abaidah, Jabatan Perdana Menteri, ACP Radin Ramlan bin Radin Taha, PDRM dan Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin, Parlimen Malaysia.

Jabatan Wilayah Persekutuan mengucapkan tahniah dan menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan di atas segala jasa dan bakti yang disumbangkan oleh semua penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan tahun 2026.

Jabatan Wilayah Persekutuan
5 Februari 2026